



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

PENGAMBILAN CALON GURU TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP) TAHUN 2023

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa warganegara Malaysia calon **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** tahun 2020, 2021 dan 2022 yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP).

A. LALUAN PERDANA

1. KETERANGAN PROGRAM

- 1.1 Nama Program: **Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)**
- 1.2 Program ini dikhususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah.
- 1.3 Pemohon dikehendaki mengikuti **Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP)** selama tiga (3) semester di IPG berkenaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.4 Pemohon yang **LULUS PPISMP** akan diberikan Sijil Tamat PPISMP dan **DITAWARKAN** mengikuti pengajian **PISMP** selama empat (4) tahun atau dua belas (12) semester di IPG yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.5 **PPISMP** dan **PISMP** dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

2. SYARAT DAN KELAYAKAN UMUM

- 2.1 Warganegara Malaysia.
- 2.2 Umur **tidak melebihi** 20 tahun pada 30 Jun 2023 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 2003.
- 2.3 Sihat tubuh badan.
- 2.4 Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- 2.5 Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperoleh gred **cemerlang** dalam mana-mana **lima (5) mata pelajaran**.
- 2.6 Memperoleh sekurang-kurangnya gred **kepujian** dalam mata pelajaran yang berikut iaitu:
 - a. Bahasa Melayu;
 - b. Sejarah; dan
 - c. Bahasa Inggeris
- 2.7 Memenuhi **syarat bidang pengkhususan**. (Rujuk syarat bidang pengkhususan dalam permohonan *online*)

3. BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

3.1 Sekolah Kebangsaan (SK)

BIL.	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIL.	BIDANG PENGKHUSUSAN
3.1.1	Bahasa Melayu Pendidikan Rendah	3.1.8	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
3.1.2	Bahasa Melayu Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Moral	3.1.9	Pendidikan Awal Kanak-Kanak
3.1.3	Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)	3.1.10	Pendidikan Khas Masalah Pendengaran
3.1.4	Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah	3.1.11	Pendidikan Khas Masalah Penglihatan
3.1.5	Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah	3.1.12	Bimbingan dan Kaunseling
3.1.6	Pendidikan Islam Pendidikan Rendah	3.1.13	Matematik Pendidikan Rendah
3.1.7	Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah		

3.2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

BIL.	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIL.	BIDANG PENGKHUSUSAN
3.2.1	Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)	3.2.9	Sains Pendidikan Rendah
3.2.2	Sejarah Pendidikan Rendah	3.2.10	Bahasa Cina Pendidikan Rendah
3.2.3	Reka Bentuk dan Teknologi Pendidikan Rendah	3.2.11	Bahasa Cina Pendidikan Rendah Elektif: Reka Bentuk dan Teknologi Pendidikan Rendah
3.2.4	Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah	3.2.12	Bahasa Cina Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah
3.2.5	Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah	3.2.13	Bahasa Cina Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah
3.2.6	Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah	3.2.14	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
3.2.7	Pendidikan Islam Pendidikan Rendah	3.2.15	Pendidikan Khas Masalah Pendengaran
3.2.8	Bimbingan dan Kaunseling	3.2.16	Pendidikan Khas Masalah Penglihatan

3.3 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

BIL.	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIL.	BIDANG PENGKHUSUSAN
3.3.1	Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)	3.3.5	Bahasa Tamil Pendidikan Rendah
3.3.2	Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah	3.3.6	Bahasa Tamil Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah
3.3.3	Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah	3.3.7	Bahasa Tamil Pendidikan Rendah Elektif: Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah
3.3.4	Pendidikan Islam Pendidikan Rendah		

3.4 Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK)

BIL.	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIL.	BIDANG PENGKHUSUSAN
3.4.1	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Elektif: Sains Pendidikan Rendah	3.4.3	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Elektif: Reka Bentuk dan Teknologi Pendidikan Rendah
3.4.2	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Elektif: Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah	3.4.4	Pendidikan Khas Masalah Pendengaran

B. LALUAN KHAS :

i. MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBPK)

1. KETERANGAN PROGRAM

- 1.1 Nama Program: Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)
- 1.2 Program ini dikhususkan untuk laluan khas calon Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) bagi mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah.
- 1.3 Pemohon dikehendaki mengikuti **Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP)** selama tiga (3) semester di IPG berkenaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.4 Pemohon yang **LULUS PPISMP** akan diberikan Sijil Tamat PPISMP dan **DITAWARKAN** mengikuti pengajian **PISMP** selama empat (4) tahun atau dua belas (12) semester di IPG yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.5 **PPISMP** dan **PISMP** dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

2. SYARAT DAN KELAYAKAN UMUM

- 2.1 Warganegara Malaysia.
- 2.2 Umur **tidak melebihi** 22 tahun pada 30 Jun 2023.
- 2.3 Sihat tubuh badan (tidak termasuk konteks ketidakupayaan dan tertakluk kepada pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bil.2/2017).
- 2.4 Boleh mengurus diri sendiri.
- 2.5 Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- 2.6 Berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- 2.7 Memperolehi sekurang-kurangnya gred **KEPUJIAN** di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam **mana-mana 6** mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris serta **LULUS** Sejarah dengan **mengambil kira** syarat akademik yang ditetapkan.
- 2.8 Memenuhi **syarat bidang pengkhususan. (Rujuk syarat bidang pengkhususan dalam permohonan *online*)**

3. BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

3.1 Sekolah Kebangsaan (SK)

BIL.	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIL.	BIDANG PENGKHUSUSAN
3.1.1	Bahasa Melayu Pendidikan Rendah	3.1.5	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
3.1.2	Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)	3.1.6	Pendidikan Khas Masalah Pendengaran
3.1.3	Bimbingan dan Kaunseling	3.1.7	Pendidikan Khas Masalah Penglihatan
3.1.4	Pendidikan Islam Pendidikan Rendah		

3.2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

BIL.	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIL.	BIDANG PENGKHUSUSAN
3.2.1	Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)	3.2.6	Bahasa Cina Pendidikan Rendah
3.2.2	Sejarah Pendidikan Rendah	3.2.7	Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran
3.2.3	Pendidikan Islam Pendidikan Rendah	3.2.8	Pendidikan Khas Masalah Pendengaran
3.2.4	Bimbingan dan Kaunseling	3.2.9	Pendidikan Khas Masalah Penglihatan
3.2.5	Sains Pendidikan Rendah		

3.3 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

BIL.	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIL.	BIDANG PENGKHUSUSAN
3.3.1	Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Pendidikan Rendah (TESL)	3.3.3	Pendidikan Islam Pendidikan Rendah
3.3.2	Bahasa Tamil Pendidikan Rendah		

ii. **MURID ORANG ASLI/PERIBUMI PENAN/SEKOLAH SUKAN MALAYSIA/SEKOLAH SENI MALAYSIA**

1. **KETERANGAN PROGRAM**

- 1.1 Nama Program: Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)
- 1.2 Program ini dikhususkan untuk laluan khas calon murid Orang Asli/Peribumi Penan/Sekolah Sukan Malaysia/Sekolah Seni Malaysia bagi mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah.
- 1.3 Pemohon dikehendaki mengikuti **Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP)** selama tiga (3) semester di IPG berkenaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.4 Pemohon yang **LULUS PPISMP** akan diberikan Sijil Tamat PPISMP dan **DITAWARKAN** mengikuti pengajian **PISMP** selama empat (4) tahun atau dua belas (12) semester di IPG yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.5 **PPISMP** dan **PISMP** dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

2. **SYARAT DAN KELAYAKAN UMUM**

- 2.1 Warganegara Malaysia.
- 2.2 Umur **tidak melebihi** 20 tahun pada 30 Jun 2023 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 2003.
- 2.3 Sihat tubuh badan.
- 2.4 Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- 2.5 Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperoleh **sekurang-kurangnya 6 kepujian** termasuk mata pelajaran **Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan lulus Sejarah.**
- 2.6 Memenuhi **syarat bidang pengkhususan. (Rujuk syarat bidang pengkhususan dalam permohonan *online*)**

3. **BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN**

BIL.	LALUAN KHAS	BIDANG PENGKHUSUSAN
3.1	Murid Orang Asli/Peribumi Penan	Semua bidang pengkhususan yang ditawarkan di aliran SK laluan perdana.
3.2	Murid Sekolah Sukan Malaysia	Pendidikan Jasmani Pendidikan Rendah
3.3	Murid Sekolah Seni Malaysia	i. Pendidikan Muzik Pendidikan Rendah; dan ii. Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah

C. **AMBILAN KHAS :**

LULUSAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) YANG MEMILIKI SIJIL MENENGAH AGAMA (SMA) ATAU SIJIL MENENGAH UGAMA (SMU) DAN LULUSAN SIJIL UNIFIED EXAMINATION CERTIFICATE (UEC)

1. **KETERANGAN PROGRAM**

- 1.1 Nama Program: **Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)**
- 1.2 Program ini dikhususkan untuk melatih bakal guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi keperluan di sekolah rendah.
- 1.3 Pemohon dikehendaki mengikuti **Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP)** selama tiga (3) semester di IPG berkenaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.4 Pemohon yang **LULUS PPISMP** akan diberikan Sijil Tamat PPISMP dan **DITAWARKAN** mengikuti pengajian **PISMP** selama empat (4) tahun atau dua belas (12) semester di IPG yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.5 **PPISMP** dan **PISMP** dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

2. **SYARAT DAN KELAYAKAN UMUM**

- 2.1 Warganegara Malaysia.
- 2.2 Umur **tidak melebihi** 20 tahun pada 30 Jun 2023 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 2003.
- 2.3 Sihat tubuh badan.
- 2.4 Aktif dalam kegiatan kokurikulum.
- 2.5 Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperoleh **sekurang-kurangnya 6 kepujian** termasuk mata pelajaran **Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris** dan **lulus Sejarah**.

3. **SYARAT TAMBAHAN**

- 3.1 Lulusan Sijil Menengah Agama (SMA) atau Sijil Menengah Ugama (SMU) mesti memiliki sekurang-kurangnya **tiga (3) gred kepujian di peringkat SMA atau SMU**.
- 3.2 Lulusan Sijil *Unified Examination Certificate* (UEC) mesti memiliki sekurang-kurangnya **tiga (3) gred kepujian di peringkat Sijil Senior Middle Level (UEC-SML)**

4. BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN

BIL.	AMBILAN KHAS	BIDANG PENGKHUSUSAN
4.1	Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memiliki Sijil Menengah Agama (SMA) atau Sijil Menengah Ugama (SMU)	Pendidikan Islam Pendidikan Rendah (SK)
4.2	Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memiliki <i>Unified Examination Certificate</i> (UEC)	Bahasa Cina Pendidikan Rendah (SJKC)

D. CALON TIDAK LAYAK MEMOHON

1. Pemohon yang sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di institusi-institusi pendidikan.
2. Pemohon yang dikenakan tindakan tatatertib atau sedang dalam proses tindakan tatatertib semasa dalam perkhidmatan awam atau latihan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan.
3. Pemohon yang pernah mengikuti program ikhtisas di Institut Pendidikan Guru, tetapi gagal dalam peperiksaan dan ditamatkan daripada program.
4. Pemohon yang pernah atau sedang disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah, jenayah atau tindakan mahkamah.

E. CARA MEMOHON

1. Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian (**online**) dengan melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia di alamat : <https://pismp.moe.gov.my> mulai **15 Mac 2023**.
2. Calon SPM Tahun 2022 boleh mengemukakan permohonan walaupun belum memiliki keputusan sebenar peperiksaan.
3. Pemohon dinasihatkan melayari laman sesawang : <https://pismp.moe.gov.my> bagi mendapatkan **maklumat iklan, Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG), temu duga, ujian kecergasan fizikal (UKF), syarat bidang pengkhurusan serta tarikh-tarikh penting proses pengambilan** sebelum membuat permohonan.
4. Pemohon dibenarkan mengemukakan **SATU (1)** permohonan dan **boleh mengemaskini permohonan pada tarikh yang telah ditetapkan sebelum tarikh permohonan ditutup. (Rujuk tarikh-tarikh penting proses pengambilan PISMP)**
5. Permohonan hendaklah **disahkan dan dihantar** sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang berjaya dihantar akan menerima nombor rujukan dan tarikh menduduki e-UKCG.
6. Maklumat yang tidak benar dan tidak lengkap boleh mengakibatkan permohonan ditolak.

F. MAKLUMAT DAN PERHATIAN

1. Pemohon perlu menyemak tarikh-tarikh penting proses pengambilan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) tahun 2023. Walau bagaimanapun KPM berhak meminda sebarang aktiviti dan tarikh mengikut keperluan semasa.
2. Pemohon boleh mendapatkan maklumat tambahan berhubung promosi pengambilan program PISMP tahun 2023 menerusi *youtube live* “**Jom Jadi Cikgu**” mulai Mac hingga Julai 2023.
3. Calon mestilah menjalani saringan dan lulus e-UKCG sebelum dipanggil temu duga dan ujian kecergasan fizikal (UKF).
4. Pemohon yang berjaya ditawarkan pengajian hendaklah bersetuju dan patuh dengan terma-terma dalam surat tawaran dan Perjanjian Pendidikan Guru KPM Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

PERINGATAN

Pemohon yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran dan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574]. Maklumat permohonan ini akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran dan selama tempoh pengajian dari semasa ke semasa.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 14 APRIL 2023 (11.59 MALAM)

Sila hubungi alamat berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan:

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 1-3, BLOK 2250 JALAN USAHAWAN 1
63000 CYBERJAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**
(u.p: Jabatan Pengambilan dan Penempatan, Pusat Hal Ehwal Pelajar)

No. Telefon : 03-8312 6731/6768/6760/6733/6693



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

TARIKH-TARIKH PENTING PROSES PENGAMBILAN CALON GURU PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP) TAHUN 2023

BIL	AKTIVITI/PERKARA	TARIKH
1	Paparan iklan di portal rasmi KPM	10 Mac – 14 April 2023
2	Permohonan dalam talian dibuka dan Semakan Tarikh menduduki Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG)	15 Mac – 14 April 2023
3	Permohonan dalam talian ditutup	14 April 2023 (Jam 11.59 malam).
4	Pelaksanaan Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG) secara dalam talian	17 – 20 April 2023 26 – 28 April 2023
5	Kemaskini bidang permohonan PISMP	1 – 5 Jun 2023
6	Semakan keputusan e-UKCG, Ujian Kecergasan Fizikal (UKF) dan Temu duga	12 Jun 2023
7	Pelaksanaan Ujian Kecergasan Fizikal (UKF) dan Temu duga bersemuka secara fizikal	19 – 22 Jun 2023 3 - 6 Julai 2023
8	Semakan keputusan permohonan berjaya	24 Julai 2023

* Tarikh dan aktiviti tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa

* Calon perlu membuat semakan bagi setiap keputusan bagi saringan UKCG, UKF, temu duga dan keputusan tawaran di pautan <https://pismp.moe.gov.my>

Jabatan Pengambilan dan Penempatan
Pusat Hal Ehwal Pelajar
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia